



7

PEMBANGUNAN SOSIAL DALAM HUBUNGAN ETNIK

ZALIZA MOHD. NASIR
NORLIN AHMAD

PENGENALAN

Pembangunan sosial merupakan suatu proses pembangunan yang memberi penekanan kepada pembangunan manusia dan sistem sosialnya. Ia berhubung kait dengan dasar, program dan aktiviti yang menjurus kepada pengisian nilai dan pembangunan budaya yang dapat mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat. Dalam konteks Malaysia, pembangunan bukan sahaja diukur berdasarkan pencapaian ekonomi dan pembangunan fizikal, tetapi ia mesti diintegrasikan dengan usaha-usaha dan program untuk mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional. Dengan itu, pembangunan sosial menjadi suatu dasar yang amat kritikal dalam usaha membangunkan negara keseluruhannya.

Pembangunan negara tidak dapat dinikmati dengan sepenuhnya jika terdapat ketidakseimbangan antara pembangunan ekonomi dengan pembangunan sosial. Di samping itu, tahap kemajuan sesebuah negara tidak boleh diukur hanya berdasarkan pembangunan fizikal dan kejayaan material semata-mata. Sebaliknya aspek kualitatif seperti kemantapan sosial, nilai-nilai moral, kekuatan intelektual dan keutuhan budaya perlu juga diambilkira dan diberi perhatian yang wajar. Dengan itu, walaupun kerajaan bermatlamat untuk meningkatkan taraf ekonomi dan pembangunan Malaysia supaya seiring dengan negara maju yang lain, namun kerajaan tetap mewujudkan pembangunan yang mapan, bersepadu dan holistik.

Selain itu, nilai-nilai bersama dan prinsip-prinsip sejagat perlu dipertingkatkan dan dipertimbangkan bagi merealisasikan perpaduan



negara. Di antara nilai-nilai sejagat ini ialah menghormati hak asasi manusia, menentang pemerasan dan penindasan sesama manusia, cintakan keadilan, bencikan keganasan, berperikemanusiaan, menghormati pemimpin yang jujur serta cintakan keamanan dan perdamaian. Begitu juga dengan sifat-sifat jujur, amanah, menghormati ibu bapa, orang tua dan orang berilmu, sanggup berkorban untuk negara, berjuang menegakkan kebenaran, bersih, cekap, rajin bekerja dan sebagainya, adalah di antara nilai-nilai umum yang dihormati dan dikongsi bersama oleh anggota-anggota dari semua kumpulan etnik. Dengan menekankan dan mengamalkan nilai-nilai sejagat dan mengelakkan penerapan nilai-nilai yang berkonflik akan memudahkan usaha memupuk persefahaman dan perpaduan di kalangan rakyat yang berlainan etnik. Interaksi antara manusia juga boleh merapatkan hubungan sesama manusia sekaligus mampu mewujudkan perpaduan.

Dalam proses pembangunan negara, aspek agama tidak boleh dikesampingkan. Dalam perspektif perkembangan tamadun, manusia yang mempunyai kepercayaan beragama mempunyai sumbangan yang besar terhadap tamadun manusia. Bagi negara Malaysia, kebebasan beragama telah dimaktubkan dalam perlembagaan. Agama Islam telah dijadikan agama rasmi Persekutuan. Justeru itu, dalam kehidupan bermasyarakat dan berbudaya, ajaran-ajaran dan nilai-nilai agama dipegang kuat serta diamalkan. Nilai-nilai Islam boleh diringkaskan kepada prinsip umum, iaitu mengamalkan segala kebaikan dan mencegah dari melakukan kejahatan. Nilai Islam juga boleh difahami menerusi penjelasan konsep-konsep seperti amalan baik dan perbuatan jahat, pahala dan dosa, syurga dan neraka. Konsep-konsep umum yang lahir dari budaya masyarakat Melayu tradisional telah disesuaikan dengan amal kebaikan (makruf) dalam ajaran Islam. Kemungkinan terdapat nilai-nilai dalam agama-agama lain atau ajaran-ajaran lain selaras dengan nilai hidup masyarakat Melayu yang tidak bercanggah dengan agama Islam.

Unsur-unsur yang dipopularkan oleh kerajaan Malaysia pada masa kini seperti hidup berdisiplin, kerajinan bekerja, semangat kejiranan, menjaga kebersihan, meningkatkan tradisi

keilmuan menerusi penyelidikan, penulisan dan kerajinan membaca, mengembalikan maruah bangsa, berdikari, kepimpinan melalui teladan, bersih, cekap dan amanah, dan berbagai-bagai lagi konsep yang dicipta adalah merupakan unsur-unsur penting yang cuba diterapkan ke dalam masyarakat Malaysia untuk dijadikan sebagai garis panduan dalam proses membangunkan satu bangsa Malaysia yang maju dan bermaruah. Himpunan dari semua konsep ini mencerminkan falsafah hidup masyarakat Malaysia moden yang dipandu oleh pemimpin-pemimpin yang berjiwa besar, bercita-cita tinggi dan mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan, pemimpin yang sentiasa menyeru pengikutnya untuk membina satu bangsa Malaysia yang bersatu padu walau apapun cabaran dan rintangan yang terpaksa dihadapi. Hakikatnya, bangsa Malaysia yang pernah dijajah ratusan tahun memungkinkan mereka berusaha untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang berjiwa merdeka, yakin dengan kemampuan sendiri dan setaraf dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Sebagaimana yang diketahui, Malaysia adalah sebuah negara demokrasi yang mempunyai masyarakat majmuk daripada segi kaum, agama, bahasa dan budaya. Mengikut bancian pada tahun 2000, terdapat tiga kaum terbesar di negara kita. Pecahannya adalah seperti berikut; 65.1 peratus penduduk terdiri oleh kaum Melayu dan bumiputera, 26 peratus kaum Cina dan 7.7 peratus kaum India dan selebihnya adalah kaum-kaum lain. Terdapat 31 kaum yang diiktiraf sebagai bumiputera di seluruh Malaysia. Antara kaum yang terbesar adalah seperti Bajau, Bisayah, Kadazan Dusun, Murut, Iban, Bidayuh, Kayan, Kelabit, Kenyah dan Melanau. Daripada statistik yang ditunjukkan, adalah jelas menunjukkan tahap kepelbagaian dan seterusnya kompleksiti yang wujud dalam mengurus dan mentadbir negara kita. Kepelbagaian yang wujud ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik kerana rakyat yang berbilang bangsa, agama dan budaya boleh hidup dengan aman dan harmoni di bawah satu bumbung pemerintahan. Formula perpaduan ini adalah hasil daripada falsafah pengurusan negara yang berteraskan integrasi kaum dan pengurusan berwibawa kerajaan.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Peristiwa rusuhan kaum pada bulan Oktober 1945 dan 13 Mei 1969 memberi pengajaran yang cukup berguna bahawa pentingnya perpaduan antara kaum bagi menjamin keharmonian yang sedia ada. Sejak awal kemerdekaan lagi tolak ansur telah wujud di antara kaum dengan adanya kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh semua kaum dan termaktub dalam perlembagaan negara. Bagi menjamin kelangsungan perpaduan nasional, kerajaan telah merangka pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang menjadi garis panduan dalam usaha membentuk satu bangsa yang bersatu dan mempunyai identiti negara, serta dapat mencirikan keperibadian bangsa Malaysia yang unik dan unggul. Sesungguhnya, dasar-dasar kerajaan yang bukan bersifat ekonomi inilah yang berjaya menseimbangkan dasar-dasar kerajaan lain dalam memastikan pembangunan negara dapat berjalan dengan lancar dan sempurna.

Budaya penting sebagai alat kemajuan atau pembangunan bangsa dan negara. Proses pembangunan negara yang pesat sekarang pasti akan membawa kepada perubahan kepada sistem nilai, perlakuan dan institusi masyarakat Malaysia. Perubahan tanpa mengambilkira soal kesinambungan dan perubahan dalam kehidupan budaya dan masyarakat Melayu akan menimbulkan masalah kesenjangan budaya atau *cultural gap*, atau masalah *residual behaviour* atau *dysfunctional social habit* yang berpanjangan. Masalah ini boleh muncul kerana perkembangan perindustrian dan persejagatan yang berlaku kini telah, dan akan mempercepatkan proses perubahan ekonomi, institusi dan struktur yang lebih pesat berbanding dengan darjah perubahan yang berlaku pada sikap, nilai, norma dan pola perlakuan dalam masyarakat Malaysia.

Oleh yang demikian, pemikiran semula tentang dinamika budaya Melayu dan budaya rakyat Malaysia yang lain harus dilakukan. Persoalan asas dalam penilaian semula budaya masyarakat perlu ditumpukan kepada dinamika berikut; teknologi, nilai, kepercayaan dan norma. Hasil penilaian semula budaya masyarakat itu kemudiannya perlu dirumuskan melalui dua bentuk strategi

kebudayaan iaitu strategi kuantitatif dan strategi kualitatif. Kedua-dua strategi ini akan mengemukakan suatu peta kognitif kepada bangsa Malaysia. Peta ini akan menjelaskan siapa kita dan apakah destinasi kita. Dengan adanya peta tersebut, maka akan tercipta suatu proses keobjektifan unsur-unsur budaya yang sebelum ini hanya berada di peringkat normatif-subjektif.

Peranan budaya Melayu dalam negara pelbagai bangsa seperti Malaysia merupakan dimensi yang juga perlu difikirkan, terutama dalam konteks DKK. Dalam masyarakat majmuk budaya juga menjadi faktor pembentukan jati diri bangsa atau negara dan sumber perpaduan kaum. Strategi pelaksanaan DKK dari segi sosial bertujuan untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang mempunyai pelbagai jenis kaum. Ini kerana perbezaan antara kaum boleh menyebabkan berlakunya polarisasi kaum dan mementingkan kaum masing-masing sahaja. Sekiranya polarisasi kaum berlaku, sukar bagi negara ini mengecapi kedamaian dan tidak mustahil sekiranya isu perkauman akan wujud di negara ini.

Oleh itu, melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, kerajaan telah melaksanakan beberapa program dan aktiviti ke arah memelihara dan memperkukuhkan semangat perpaduan negara melalui pelaksanaan aktiviti penggalakan interaksi dan promosi perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia. Strategi jangka pendek dilaksanakan secara berterusan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan di kawasan-kawasan Rukun Tetangga dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan melibatkan masyarakat setempat dari pelbagai peringkat umur dan keturunan etnik. Masyarakat di setiap kawasan Rukun Tetangga boleh bekerjasama dalam gerak kerja gotong-royong seperti semasa kenduri-kendara, membersihkan kawasan kubur, rumah ibadat atau mendirikan balai raya. Bagi mereka, gerak kerja sukarelawan adalah asas mengukuhkan lagi perhubungan antara ahli masyarakat.

Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti lain yang dilaksanakan adalah mencakupi bidang sosial, pendidikan, sukan, rekreasi, kesenian dan kebudayaan serta kesihatan dan alam sekitar, kebajikan, keagamaan dan keselamatan di lokasi-lokasi tertentu. Nilai sosio-

ekonomi kebangsaan dapat diwujudkan melalui amalan gotong-royong oleh syarikat awam dan syarikat kerjasama. Lawatan-lawatan integrasi juga dianjurkan untuk para penduduk melawati wilayah-wilayah lain semasa majlis-majlis perayaan umum negara. Adanya aktiviti yang berterusan akan membolehkan rakyat untuk berinteraksi dan menjalinkan perhubungan antara mereka di samping mewujudkan suasana persefahaman yang mesra dan harmoni.

Sementara itu, strategi jangka panjang pula dilaksanakan melalui dasar-dasar dan program-program kerajaan yang menjurus ke arah perpaduan nasional seperti Dasar Pembangunan Negara, Dasar Belia Negara, Dasar Sosial Negara, Program Latihan Khidmat Negara, dan sebagainya. Ini termasuklah juga program-program sukan, kebudayaan dan perayaan-perayaan seperti majlis-majlis rumah terbuka Malaysia sempena menyambut hari perayaan umum kumpulan-kumpulan etnik di negara kita.

DASAR SOSIAL NEGARA

Pada tahun 2003, kerajaan telah melancarkan Dasar Sosial Negara (DSN). Dasar ini merupakan dasar payung yang merangkumi semua dasar, program dan aktiviti pembangunan sosial serta menjelaskan falsafah di sebalik pembangunan sosial di Malaysia. Dasar Sosial Negara bermatlamat untuk mewujudkan masyarakat yang maju dan mapan dari aspek sosial, ekonomi dan teknologi, di mana setiap anggota masyarakat berpeluang untuk memperkembangkan potensi diri masing-masing di dalam persekitaran sosial yang sihat dan berdasarkan ciri-ciri bersatu padu, berdaya tahan, demokratik, bermoral, bertoleransi, progresif, penyayang, adil dan saksama. Dengan itu, dasar tersebut memberi halatuju kepada semua perancangan dan pelaksanaan program pembangunan sosial negara.

DSN adalah dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju serta mantap.

Dasar ini telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 19 Ogos 2003. Objektif dasar ini ialah memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi, serta membangun dan memperkasakan insan supaya penerapan nilai-nilai murni dapat dilaksanakan dengan berkesan. Melalui program intervensi dan advokasi, nilai yang merupakan intipati kepada budaya masyarakat akan diterapkan secara sukarela dan diterima.

Nilai positif melalui pelaksanaan program-program berteraskan nilai murni perlu diketengahkan khususnya peringkat kanak-kanak dan pelajar sekolah. Nilai seperti menghormati orang yang lebih tua tanpa mengira latar belakang dan etnik amat signifikan untuk masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Budaya menghayati nilai murni menjadi satu dasar apabila negara mula melihat bahawa pentingnya diwujudkan satu dasar yang memberi fokus kepada keseimbangan pembangunan ekonomi dan sosial. Dari sini dapat dilihat antara dasar lain yang menyokong objektif DSN ialah Dasar Perpaduan Nasional, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran serta Dasar Pendidikan Negara. Semua dasar ini jelas membuktikan betapa Malaysia memberi penekanan kepada penerapan nilai-nilai murni dan kesejahteraan rakyat.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal dan diperakukan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971. Allahyarham Tun Abd. Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua, sewaktu merasmikan kongres tersebut ada menyebut bahawa:

“...nenek moyang bangsa kita yang mendiami rantau Nusantara ini meninggalkan pusaka kebudayaan yang kaya raya dan tinggi mutunya. Maka, sudah sewajarnya kita menerima gagasan bahawa Kebudayaan Kebangsaan yang sedang dibentuk dan dicorakkan itu hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Namun, harus diingat, dalam mencari bentuk dan menentukan corak kebudayaan kebangsaan, kita tidak melupakan hakikat masyarakat yang berbilang bangsa. Kita hendaklah sentiasa berpandu kepada cita-cita membentuk sebuah negara dengan rakyatnya daripada

pelbagai kaum dan golongan dijalin dalam satu ikatan yang padu. Saya percaya selagi kita sedar dan insaf akan hakikat ini, kita tidak akan melencong daripada matlamat untuk mendirikan bangsa yang bersatu...”

Kebudayaan adalah keseluruhan cara hidup manusia yang meliputi akal fikiran (budi) serta daya ciptaan bagi memenuhi kehendak biologi, kemasyarakatan serta alam sekeliling yang sesuai dengan keperluan jasmani dan rohani. Dengan demikian, kebudayaan dapat dilihat daripada segala hasil pemikiran atau perkara yang berbentuk bukan kebendaan (spiritual) dan segala hasil ciptaan manusia atau perkara yang berbentuk kebendaan (fizikal). Bidang kebudayaan boleh dilihat melalui:

- Fikiran atau idea seperti ilmu pengetahuan, bahasa, falsafah, persuratan, mitos atau legenda, kesusasteraan, kepercayaan dan cerita lisan.
- Kebendaan seperti senibina bangunan, alat mesin, pakaian, perabot dan ubat-ubatan.
- Kesenian, dilihat dari dua bidang kemahiran iaitu seni lakon – tarian, teater, muzik dan mainan; dan seni tampak – ukiran, lukisan, seni pahat, tenunan dan anyaman.
- Nilai dan norma seperti peraturan undang-undang, adat resam, gaya dan perlakuan, pantang-larang, nilai keagamaan dan sopan santun.

Keempat-empat bidang tersebut memperlihatkan bukan sahaja hasil yang berasaskan sesuatu yang abstrak atau tidak kelihatan tetapi juga corak kebendaan. Hasil itu lahir dalam bentuk fizikal (jasmaniah) atau bukan fizikal (rohaniah). Misalnya, pertalian antara pemikiran dengan perlakuan dan pemilikan digambarkan melalui ketinggian mutu seni ukir yang lahir daripada pemikiran dan falsafah yang tinggi, dijelmakan daripada perbuatan mengukir dan akhirnya ukiran menjadi hasil warisan budaya.

Perkembangan Dasar Kebudayaan Kebangsaan bagi negara yang baru merdeka perlu diutamakan kerana dasar pembinaan negara dan bangsa tidak pernah menjadi dasar utama sewaktu penjajahan, apatah lagi dasar yang berkaitan dengan kebudayaan. Kesedaran untuk memupuk kebudayaan kebangsaan diasaskan berdasarkan tiga matlamat yang utama iaitu: (Shahnon Ahmad, 1986:118).

- i. Memupuk dan memelihara keperibadian nasional yang tumbuh dari kebudayaan nasional.
- ii. Mengukuh perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan nasional.
- iii. Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosio-ekonomi.

Kongres Kebudayaan Nasional yang dibentuk pada tahun 1971, memberi faktor penekanan kepada sifat-sifat dominan yang sedia ada di negara ini. Tiga ciri utama rakyat telah dipilih iaitu ciri kepribumian, ciri kesukuan dan ciri keislaman. Tujuan utama di sebalik perancangan dan pewujudan DKK antaranya ialah:

- Menggalakkan dan memberi penekanan terhadap daya kreatif bebas dan dorongan pemupukan bakat dan pemikiran kumpulan atau individu, contohnya meningkatkan taraf mutu kesenian dalam bidang muzik, seni lakon, seni tari dan sebagainya.
- Mengetengahkan ciri atau nilai yang terbaik dalam sesuatu bidang, contohnya etika kerja, disiplin, hormat, budaya penyayang dan sebagainya.
- Dalam masyarakat berbilang kaum, menonjolkan ciri keperibadian nasional perlu diperkenalkan dan harus menjadi salah satu matlamat utama supaya negara dikenali melalui identiti bangsanya bukan sesuatu kaum. Asasnya hendaklah berlandaskan teras induknya atau yang asal.

- Mengatasi kelemahan dan keburukan sebahagian budaya massa seperti pengaruh iklan, disko dan sebagainya. Mengatasi pengaruh asing yang tidak terkawal dan tidak sesuai yang mungkin membawa unsur *cultural imperialism*.

Selain itu, pembentukan kebudayaan kebangsaan dapat memupuk perpaduan menerusi satu gaya hidup dan nilai-nilai yang dipersetujui dan dihayati bersama oleh semua kaum. Ia juga dapat mewujudkan satu identiti negara yang dapat dikenali oleh negara-negara luar. Justeru itu, kerajaan Malaysia telah menitikberatkan pembentukan secara beransur-ansur satu kebudayaan nasional yang merangkumi unsur-unsur yang baik daripada berbagai-bagai kebudayaan asli yang terdapat di negara kita iaitu:

- Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.
- Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan dan
- Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

Penggubalan ini dibuat dengan mempertimbangkan fakta-fakta sejarah serantau dan kedudukan negara ini sebagai pusat tamadun serta pusat penemuan dan perdagangan sejak berabad lamanya. Selaku pusat penemuan, maka terjadilah proses interaksi, pengenalan, penyerapan dan penerimaan pelbagai unsur kebudayaan.

A. Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.

Rantau ini yang merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand dan Kampuchea serta Kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Melanesia, Oceania) sehingga ke Madagaskar di sebelah Barat. Penduduknya terdiri daripada keturunan yang sama iaitu rumpun Melayu-Polynesia. Rantau ini merupakan pusat pemancaran dan pengembangan warisan Kebudayaan Melayu sejak zaman-

berzaman dan ditambah pula dengan kegemilangan dan keagungan tamadun Melayu yang berpusat di Melaka yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antarabangsa.

Kebudayaan serantau ini digambarkan oleh persamaan dalam bidang bahasa berasaskan keluarga bukan bahasa Melayu-Austronesia, kedudukan geografi, pengalaman sejarah, kekayaan alam, kesenian dan nilai-nilai keperibadian. Budaya Melayu pada hari ini merupakan cara hidup, lambang identiti dan asas ukuran keperibadian kepada umat manusia yang menuturkan rumpun bahasa yang sama. Berdasarkan hakikat ini, sewajarnya kebudayaan rakyat rantau ini dalam pengertian luas menjadi teras kepada Kebudayaan Kebangsaan Malaysia.

B. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar

Kebudayaan bersifat dinamik, iaitu ianya melalui proses penyerapan dan penyesuaian secara berterusan. Prinsip ini bertepatan dengan situasi penduduk berbilang kaum yang mewarisi pelbagai budaya dan masalah politik rakyat di Malaysia. Dengan itu, unsur-unsur budaya Cina, India, Arab, Barat dan lain-lain yang sesuai penerimaannya akan dimasukkan dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Kesesuaian penerimaan dan penerapan ini adalah bergantung kepada tidak wujudnya percanggahan dengan Perlembagaan dan prinsip-prinsip Rukun Negara dan kepentingan nasional serta asas-asas moral dan kerohanian sejagat pada amnya, dan Islam sebagai agama rasmi negara khususnya.

C. Islam menjadi unsur penting

Penerimaan unsur-unsur Islam sebagai bahagian yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan adalah sesuai dengan perkembangan sejarah negara Malaysia. Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu telah membawa satu perubahan pandangan hidup yang amat bererti di kalangan rakyat rantau ini. Pertapakan Islam di Nusantara ini telah menjadi anutan sebahagian besar umat di sini dan

nilai-nilai Islam merupakan nilai-nilai yang asas dan wajar menjadi asas pertimbangan dalam menentukan cara hidup umat.

Di Malaysia pelaksanaan DKK ini memerlukan penglibatan kesemua kementerian, agensi dan jabatan yang berkenaan dengannya kerana bidang kebudayaan ternyata amat luas. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengkhususkan peranannya kepada beberapa bidang yang boleh dilihat dalam usaha dan perhubungan urus setia. Antara lain kementerian ini menguruskan penyelidikan, pembangunan dan penggalakan, pendidikan dan pengembangan kesenian, dan perhubungan ke arah kemajuan kebudayaan kebangsaan. Usaha-usaha ini dicapai melalui aktiviti-aktiviti pembangunan, persembahan seni oleh Kompleks Budaya Negara dan juga Majlis Kebudayaan Negeri. Namun begitu, kesedaran kebudayaan amat penting dan penglibatan agensi lain turut ditekankan mengikut tugas masing-masing.

Penggubalan dan pelaksanaan DKK adalah perlu bagi negara Malaysia yang sedang membangun dan mempunyai penduduk berbilang kaum yang mengamalkan budaya yang berbeza. Dasar ini dapat menjadi garis panduan dalam membentuk serta mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu serta mengekalkan identiti negara di kalangan dunia antarabangsa. Namun demikian, pelaksanaannya adalah rumit dan tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat dan meningkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian. Pembangunan kebudayaan harus dilihat bersama-sama dengan pembangunan ekonomi supaya pembinaan bangsa menjadi seimbang dengan nilai kerohanian. Kebudayaan kebangsaan sesebuah negara dipercayai mampu mengelakkan berkembangnya kesan negatif pengaruh kebudayaan asing yang tidak sesuai atau nilai buruk yang boleh menjejaskan pembinaan keperibadian, keamanan, keharmonian dan sebagainya.

Perpaduan kaum di Malaysia boleh dieratkan dengan pelbagai cara, maka untuk menjadikannya lebih berkesan, semua masyarakat dari pelbagai kaum perlu bersama-sama menjayakan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan. Kebudayaan dalam masyarakat

Malaysia perlu dikekalkan dan diterapkan dalam minda setiap rakyat Malaysia. Sesungguhnya bagi mencapai perpaduan negara dalam jangka masa panjang, adalah perlu mengambilkira realiti kaum seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan. Dalam memperbetulkan ketidakseimbangan ini kita perlu mengambil perhatian khas kepada keperluan dan aspirasi semua kaum. Dengan kata lain, suatu pandangan multietnik adalah penting dan suatu komitmen terhadap keadilan dan kesaksamaan hendaklah sentiasa wujud.

Malaysia adalah sebuah negara yang belum mempunyai satu bangsa dalam erti kata yang sebenar. Oleh itu langkah-langkah yang lebih tegas dan menyeluruh mestilah dijalankan bukan sahaja untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu tetapi juga pengintegrasian wilayahnya di Timur dan Barat supaya lebih kukuh, stabil dan dapat berkembang ke arah matlamat yang sama. Malaysia telah menyusun masyarakatnya mengikut garis etnik. Oleh kerana itu kumpulan-kumpulan etniknya juga telah memilih untuk bergerak dan bertindak mengikut garis etnik mereka. Penyusunan berasaskan etnik ini mestilah dirobah kepada asas yang bukan etnik sekiranya kita benar-benar jujur inginkan perpaduan tulen di kalangan rakyat. Rakyat mesti disedarkan tentang bahaya isu perkauman kepada perpaduan nasional. Oleh itu, pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab mestilah menjadi pelopor dalam mengutamakan dan menggalakkan perpaduan seluruh rakyat, daripada perpaduan anggota dan kumpulan etnik yang sama. Mereka juga harus sanggup melibatkan diri secara serius dalam usaha ini dan menjauhkan diri dan mengeksploitasi simbol-simbol perpaduan untuk tujuan politik mereka.

KESIMPULAN

Dalam usaha untuk Malaysia memupuk perpaduan melalui kebudayaan dan pendidikan, rakyat yang dibahagikan mengikut kumpulan etnik perlu saling bertolak ansur supaya perpaduan negara dapat dicapai. Antaranya termasuklah masyarakat majmuk yang

menerangkan bahawa Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum tetapi masih boleh hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Sifat toleransi yang diamalkan oleh pelbagai kaum menunjukkan mereka bersedia menerima bangsa dan budaya lain sebagai satu budaya yang sama, iaitu budaya Malaysia. Jadi, sebagai warganegara Malaysia, adalah tanggungjawab kita untuk mewujudkan perpaduan di mana asas perpaduan telah disediakan melalui penubuhan persekutuan. Kita hendaklah mencapai persefahaman, persetujuan dan titik pertemuan ke arah perpaduan. Kita haruslah mengarahkan semua usaha menuju kepada titik-titik pertemuan ini. Salah satu caranya ialah melalui proses penyerapan yang berlaku akibat daripada pertembungan pelbagai kebudayaan, mestilah secara semula jadi tanpa sebarang paksaan.

Dalam konteks Malaysia, asimilasi budaya pelbagai kaum telah, sedang dan akan terus berlaku. Rakyat harus mempunyai sifat bersih, cekap dan amanah. Hal ini menyebabkan titik pertemuan antara kaum semakin luas. Titik pertemuan yang menjadi nilai hidup bersama, yakni budaya masyarakat yang menginginkan kebaikan. Jadi, titik pertemuan adalah kunci untuk mencapai matlamat terpenting negara, iaitu penyatuan melalui keperibadian kebangsaan yang jitu.